

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 08 JULAI 2004 PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 21

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 115-100026
Dato' Firdaus Bin Harun [Rembau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah jangka panjang bagi meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera di sektor korporat selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.
2. 163-100188
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membina satu Kolej Komuniti (Community College) di setiap kawasan Parlimen di seluruh negara. Jika ada, bilakah projek tersebut akan dibina.
3. 68-101060
Dato' Mohd Sarit Bin Yusoh [Temerloh] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai dalam program Agenda 17 Negara iaitu menepatkan jurang digital di kalangan kumpulan tertentu seperti wanita, belia, warga mas, masyarakat luar bandar dan orang asli.
4. 207-100957
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau hendak menimbangkan cadangan untuk mengadakan suruhanjaya diraja untuk rasuah dan sebab musabab keputusannya. Apakah faktor-faktor dan bilangan kes korupsi yang disiasat dan dihadapkan ke mahkamah sejak beliau menjadi Perdana Menteri.

5. 144-100808
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamad [Pulai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dasar Kerajaan mengenai harga saham terbitan modal baru yang dikhaskan kepada Institusi Permodalan Kerajaan seperti Tabung Haji. Memandangkan pengaruh pasaran Institusi tersebut yang besar, adakah Kerajaan bercadang untuk mensyaratkan bahawa harga saham tersebut dihadkan kepada 'par value' tanpa premium.
6. 93-100868
Dr. Rozaidah Binti Talib [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah wang bantuan Kebajikan Masyarakat bagi yang layak tetap jumlahnya (prorate) atau mengikut beban tanggungan dan mengambil kira tempat tinggal iaitu dibezakan di kawasan luar bandar dengan bandar akibat kos sara hidup yang berbeza.
7. 9-100069
Dato' Abdul Rahman Bin Ariffin [Jerlun] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian telah bersedia untuk mengambil alih jalan-jalan luar bandar terutamanya di dalam kawasan MADA di Negeri Kedah, khususnya di kawasan Parlimen Jerlun.
8. 40-100613
Datuk Raja Ahmad Zainuddin Bin Raja Omar [Larut] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan negara kita dalam menganjurkan temasya sukan bertaraf dunia seperti Formula 1 (F1) dan Sukan Komanwel.
9. 176-100233
Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah isi padu sisa-sisa toksid yang dihasilkan oleh sektor industri perkilangan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada tahun 2003 dan 2004 (Januari hingga Jun) dan jumlah isi padu yang dihantarkan ke Bukit Nanas untuk pelupusan pada tempoh yang sama. Berapakah kadar fi pelupusan di Bukit Nanas dalam setan metrik.

10. 81-100774
Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-
- (a) langkah-langkah diambil untuk menyelesaikan kesesakan laluan 217 Jalan Persekutuan (Lebuhraya Bukit Jalil) terutamanya di Kawasan Bulatan Kelab Lumba Kuda Selangor dan kawasan masuk Serdang Raya-Seri Kembangan; dan
 - (b) sama ada cadangan pembinaan persimpangan bertingkat dari Serdang Raya merentasi Lebuhraya Bukit Jalil ke Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban akan dimulakan.
11. 4-100788
Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan Malaysia sebagai Pengerusi NAM dan Pengerusi OIC, apakah tindakan yang telah diambil oleh Malaysia bagi memastikan pendapat dan pandangan NAM dan OIC dihormati kerana kebelakangan ini, Amerika Syarikat dan Great Britain tidak menghiraukan langsung undang-undang antarabangsa.
12. 118-100507
Tuan Idris Bin Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah jumlah kemalangan pesawat dalam tempoh 30 tahun kebelakangan ini mengikut jenama pesawat.
13. 197-100120
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-
- (a) rancangan-ancangan dan projek-projek jalan raya yang telah dirancang dan diluluskan oleh Kerajaan bagi Daerah Kanowit; dan
 - (b) bilakah projek jalan JKR dari kawasan penempatan RASCOM Ng. Ngungun ke kawasan penempatan RASCOM Ng. Jagau di Kanowit dapat disiapkan.
14. 163-100190
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sebagai Pengerusi OIC dan NAM, adakah Kerajaan bercadang untuk mempromosikan "World Peace" dan jika ya, adakah Kerajaan akan memberi kelulusan permohonan untuk mengadakan konsert muzik yang akan disiarkan secara langsung di seluruh dunia.

15. 71-101191
Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-
- (a) apakah rancangan Felda untuk peneroka generasi ke-2 dan ke 3 di Jelai, Cameron Highlands; dan
 - (b) berapakah jumlah pemuda-pemudi yang telah dan akan dilatih dalam pertanian moden ala teknologi tinggi dan berkonsep komersial.
16. 150-100241
Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah status pembinaan sekolah-sekolah berpusat di seluruh negara misalnya cadangan menjadikan SK. Lokos di PPD Tamparuli, Sabah sebagai sekolah berpusat pada tahun 2001.
17. 173-100150
Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:-
- (a) adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengeluarkan “Nobel Peace Prize Malaysia dalam bidang Natural Science”, dan apakah jangka masa diperlukan dan bagaimana proses pelan itu dilaksanakan; dan
 - (b) dalam keadaan sistem persekolahan (persekolahan dan institusi pengajian tinggi) dan suasana dan sokongan R & D negara sekarang adakah Kementerian yakin kita berjaya menjana saintis, jurutera, pakar atau graduan yang berkaliber tinggi yang kreatif dan inovatif mencukupi.
18. 22-100052
Ir. Shaari Bin Hassan [Tanah Merah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan bersungguh-sungguh untuk membina sebuah universiti di negeri Kelantan kerana perkara ini telah lama diperkatakan.
19. 213-100880
Dato' Abdul Halim Bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah faktor sebenar keuntungan Proton merosot sebanyak 54% kepada RM510 juta berakhir 31 Mac lalu berbanding RM1.11 bilion pada tahun sebelumnya.

20. 164-101110
Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kajian terperinci dilaksanakan yang menunjukkan pengambilalihan Sabah Medical Centre dapat mengatasi kesesakan pesakit di Hospital Queen Elizabeth dari segi kadar kes rujukan ke hospital itu dari daerah-daerah lain dan kadar penambahan penduduk di Kota Kinabalu dan Penampang.
21. 209-101001
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sebab Kerajaan lewat dari segi pembentukan Perbadanan Pengurusan. Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan Pejabat Tanah dan Galian dari segi pengendalian isu berkenaan hak milik strata.
22. 114-100532
Datuk Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI KESENIAN, KEBUDAYAAN DAN WARISAN** menyatakan rancangan-ancangan pihak Kementerian untuk menaik taraf Istana Lama Seri Menanti di Negeri Sembilan sebagai warisan sejarah. Tidakkah ada rancangan agar tempat tersebut dijadikan sebagai Institut Kajian Adat Perpatih.
23. 216-100149
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan Akta Kebebasan Maklumat untuk menggalakkan kebebasan akhbar di negara ini, jika ya, nyatakan butir, jika tidak, mengapa.
24. 208-100996
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan syarat-syarat Government-Linked Company (GLCs) yang akan diberikan keutamaan oleh Khazanah Nasional untuk penyusunan semula pengurusan atasan, merit pemilihan CEO dan rancangan mengembangkan sayap GLCs ke luar negeri.
25. 169-100901
Tuan Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di Sandakan akan diperbesarkan bagi menampung kesesakan jumlah orang ramai yang berurusan di situ.
26. 74-100017
Tuan Ismail Bin Abd Mutalib [Maran] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilakah Pusat Rakan Muda Daerah Maran yang telah siap dibina akan mula beroperasi dan berapa ramai kakitangan yang telah pun dilantik untuk menjalankan pusat tersebut.

27. 204-100311
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa masih terdapat ramai anggota polis yang kurang sensitif dalam mengendalikan kes keganasan rumah tangga. Contohnya telah berlaku beberapa kes di mana pihak polis tidak menyampaikan IPO kepada suami mangsa. Apakah Kerajaan akan lakukan untuk menangani masalah ini.
28. 58-101068
Dato' Dr. Wan Hashim Bin Wan Teh [Gerik] minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan kepada agensi manakah diserahkan tugas untuk memantau masalah pencemaran Bahasa Melayu yang berleluasa dan kemungkinan adanya Kementerian atau Jabatan Kerajaan yang menggunakan Bahasa Inggeris dalam mesyuarat Kementerian dan Jabatan.
29. 142-100470
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan masih berusaha membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menukarkan pegawainya ke tempat-tempat lain untuk meningkatkan keberkesanan jentera pentadbiran PBT.
30. 139-100004
Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan jangka panjang atau pelan induk membina Sistem Transit Rel Ringan (LRT) di Bandaraya Johor Bahru. Adakah kemungkinan sistem LRT yang bakal dibina itu disambungkan ke sistem MRT di Woodlands, Singapura agar sistem rangkaian rel transit menyeluruh dapat dibentuk di antara Johor dan Singapura.
31. 205-100498
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap seorang posmen yang meninggalkan lima buah (5) beg surat di tanah Perkuburan Islam di Pantai, Negeri Sembilan pada bulan Jun tahun ini.
32. 151-100475
Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah peraturan-peraturan rasmi (protocol) yang sedia ada yang boleh menentukan "patent genetic" bagi sumber semula jadi, tumbuhan dan haiwan yang dapat melindungi hak cipta bagi faedah generasi kita di masa hadapan.

33. 7-100761
Puan Lim Bee Kau [Padang Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil untuk meningkatkan mutu perkhidmatan di hospital-hospital Kerajaan.
34. 48-100879
Tan Sri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggunakan papan tanda dalam bahasa Cina di KLIA memandangkan meningkatnya bilangan pelancong dari negeri China.
35. 7-100768
Puan Lim Bee Kau [Padang Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian telah meluluskan permohonan untuk mengadakan sebuah Sekolah Wawasan di Kulim Square dan jika ada bilakah ianya akan dilaksanakan.
36. 103-100928
Dato' Suhaili Bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah kerja-kerja menaiktarafkan Lapangan Terbang Labuan akan dimulakan dan berapakah anggaran kos projek tersebut.
37. 168-100397
Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bilakah Kementerian akan merealisasikan satu lagi saluran melalui agensinya RTM iaitu saluran sukan.
38. 160-100665
Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan merancang untuk melaksanakan syarat-syarat yang tersebut di bawah bagi pelajar-pelajar baru yang berhasrat untuk mengikuti kursus perubatan:-
- (a) suatu peperiksaan kemasukan yang sama (common entrance examination); dan
 - (b) 'attachment' ke hospital untuk mengkaji sama ada mereka mempunyai sikap untuk profesion perubatan
39. 177-101030
Tuan Richard Riot Jaem [Serian] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes-kes dera terhadap pembantu rumah dari negara asing oleh majikan dan apakah rancangan Kementerian bagi mengatasi masalah ini

40. 156-100452
Tuan Ronald Kiandee [Beluran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan ekonomi yang dicapai melalui BIMP-EAGA juga sebagai 'testing ground' untuk CEPT dan AFTA. Apa pendekatan baru yang diambil untuk menjadikan kerjasama ekonomi tersebut terus relevan dan berkesan.
41. 199-100669
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah rumah PPRT yang dibina pada tahun 2002, 2003 dan pertengahan 2004 mengikut negeri-negeri dan kos perbelanjaannya.
42. 25-100753
Tuan Mohd. Razali Bin Che Mamat [Kuala Krai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengenai senarai tumbuh-tumbuhan yang tumbuh di hutan Malaysia yang mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan sebagai ubat-ubatan. Apakah langkah-langkah strategik yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi memajukan industri tersebut.
43. 137-100713
Tuan Razali Bin Ibrahim [Muar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan proses yang perlu dilalui oleh pemohon bagi permohonan perpindahan hak milik hartanah dan tempoh masa yang diambil bagi tujuan tersebut.
44. 180-101115
Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilangan sungai yang sudah tercemar di seluruh negara serta usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan bagi membaik pulih sungai-sungai tersebut.
45. 47-100356
Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah berkesan untuk merobohkan dan mendenda syarikat yang memasang stesen pemancar telekomunikasi secara haram di kawasan perumahan di negara ini.
46. 21-100279
Tuan Haji Md. Alwi Bin Che Ahmad [Ketereh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pendekatan Kementerian yang diambil untuk mengatasi masalah dan meringankan penderitaan ibu-ibu tunggal yang terpaksa menanggung lebih dari 3 orang anak, tanpa pendapatan tetap.

47. 61-100914
Tuan Nasaruddin Bin Hashim [Parit] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperkasakan pasukan polis sehingga ianya boleh dihormati lagi disegani oleh masyarakat dan menjadi agensi yang lebih berkesan.
48. 33-100982
Tuan Che Azmi Bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai peruntukan dalam perjanjian kontrak bagi projek Kerajaan untuk mengubah harga kontrak sekiranya berlaku perubahan mendadak harga bahan binaan utama dan yang berkaitan seperti besi, simen, kayu, bitumen, kadar pertukaran mata wang, harga petroleum dan sebagainya.
49. 210-100564
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pinjaman yang dibuat oleh Petronas, anak-anak syarikat dan syarikat usaha sama dan mana-mana syarikat di mana Petronas mempunyai kepentingan di dalam dan luar negara.
50. 38-100962
Tuan Ahmad Shabery Bin Cheek [Kemaman] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa banyakkah tauliah yang diberikan kepada operator pusat-pusat latihan vokasional di bawah program Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Berapa banyakkah operator dan pelajar ini terdiri dari kalangan Bumiputera.
51. 110-100830
Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi ancaman lalat dalam kawasan 10 km dari ladang penternakan ayam yang begitu serius supaya tidak mengganggu kehidupan penduduk-penduduk yang berhampiran.
52. 34-100388
Tuan Razali Bin Ismail [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan tentang tindakan untuk mencegah pencemaran Bahasa Melayu dan mengekalkan jati diri bangsa daripada hakisan globalisasi.
53. 143-100486
Dato' Shahrir Bin Abdul Samad [Johor Bahru] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kedudukan terkini soal penambahan tanah oleh pihak berkuasa Singapura di dalam kawasan perairan negara itu berhampiran dengan pelabuhan Pasir Gudang, Johor.

54. 34-100376
Tuan Razali Bin Ismail [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah status semasa pembinaan projek “water-front” dan keceriaan muara sungai Kuala Terengganu untuk menarik pelancong.
55. 155-100604
Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah rumah-rumah guru di sekolah-sekolah pendalaman Keningau dan Tambunan dapat direalisasikan kerana keperluan ini amat diperlukan.
56. 106-100367
Datuk Haji Astaman Bin Abdul Aziz [Titiwangsa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimana mutakhir ini pengguna jalan raya, terutamanya penunggang motosikal secara berleluasa semakin berani melakukan salah laku melanggar lampu isyarat jalan raya. Adakah Kerajaan membuat kajian terhadap keberkesanan kursus amali sebelum mendapat lesen L dan apakah langkah-langkah lanjut bagi menangani salah laku oleh pengguna jalan raya.
57. 103-100930
Dato’ Suhaili Bin Abdul Rahman [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah keputusan Kerajaan berkaitan kajian yang dibuat oleh MTEN untuk menjadikan Labuan sebagai Pusat Pendidikan Cemerlang atau Centre of Education Excellence.
58. 168-100395
Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah RTM sudah bersedia dalam mengadakan satu saluran berita antarabangsa dan sekiranya sudah bersedia bila ianya akan dilaksanakan.
59. 100-100358
Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tentang keselamatan di Selat Melaka. Benarkah Amerika Syarikat akan menghantar tentera lautnya membantu kita menjaga keselamatan di Selat Melaka.
60. 9-100427
Datuk Mohd Zaid Bin Ibrahim [Kota Bharu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk membangunkan bidang sukan di negeri Kelantan.

61. 161-100193
Datuk Abdul Rahim Bakri [Kudat] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Pulau Banggi, Kudat untuk membela nasib mereka memandangkan mereka setaraf dan senasib dengan penduduk orang asli di Semenanjung Malaysia.
62. 214-100628
Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:-
- (a) jumlah koperasi berdaftar mengikut kategori aktif dan tidak aktif; dan
 - (b) jumlah ahli yang terlibat, modal saham dan aset yang dimiliki oleh koperasi.
63. 61-100920
Tuan Nasaruddin Bin Hashim [Parit] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah dasar yang diguna pakai oleh Kerajaan bagi membangun dan menyelenggara sistem saliran dan pengairan di kawasan sawah-sawah padi yang bukan diwartakan sebagai "Kawasan Jelapang Padi", serta lain-lain kawasan pertanian.
64. 219-100581
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilakah perkhidmatan TV3 akan diadakan dan disiarkan di kawasan Bintulu memandangkan terdapat janji yang dibuat oleh calon Barisan Nasional di Bintulu dalam Pilihan Raya Umum Kesepuluh.
65. 167-101109
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendekatan pihak Kementerian untuk mengatasi masalah pondok-pondok polis yang telah uzur dan usang bagi setiap daerah di seluruh negara dan apakah kriteria-kriteria yang menentukan bilangan anggota polis di setiap pondok polis untuk mengawal dan memastikan keamanan di sesebuah daerah.
66. 160-100685
Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan selain program Rakan Muda, apakah rancangan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memastikan belia-belie kita menyertai aktiviti-aktiviti yang sihat untuk menjauhkan diri daripada gejala-gejala yang tidak diinginkan.

67. 184-101167
Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:
- (a) bilangan kapal nelayan asing yang mencerobohi perairan negara kita daripada tahun 2003 sehingga kini; dan
 - (b) apakah tindakan diambil oleh Kementerian untuk menghukum penceroboh-penceroboh ini.
68. 144-100782
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamad [Pulai] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pihak polis Diraja Malaysia ada membuat kajian mengenai punca berlakunya jenayah mengikut jenis dan kadar jenayah di seluruh negara terutamanya di bandar raya utama.
69. 188-100983
Tuan Billy Abit Joo @ Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Belaga akan dibina. Adakah Kementerian sedar bahawa Belaga adalah kawasan terpencil dan hospital yang terdekat mengambil masa satu hari perjalanan dan ada kalanya terputus terus hubungan dengan hospital terdekat.
70. 37-100555
Datuk Rosli Bin Mat Hassan [Dungun] minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan bilangan pelajar yang menyertai program diploma mengikut pengkhususan di Akademi Seni Kebangsaan mengikut tahun 1999, 2000, 2001, 2002 dan 2003 serta nyatakan pasaran kerja bagi graduan tersebut.
71. 119-100296
Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi-strategi baru yang akan di guna pakai oleh pihak Kerajaan untuk memulihkan proses demokrasi di Myanmar memandangkan kegagalan usaha-usaha diplomatik dan embargo yang digunakan oleh negara-negara ASEAN dan Barat selama ini.
72. 187-100812
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan kawasan-kawasan di negeri Sarawak yang telah dikenal pasti mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai destinasi eko-pelancongan (ecotourism). Adakah Kementerian pernah menjalankan kajian mengenai daya tarikan pelancongan yang berpotensi di daerah Kapit dan nyatakan jumlah perbelanjaan untuk membangunkan ecotourism di Sarawak dalam tempoh 5 tahun yang lalu.

73. 145-100915
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah strategi berkesan yang akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah kekurangan kemudahan termasuk bilik darjah dan bilik kegunaan khas di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, memandangkan bilangan murid SJKC di kawasan bandar semakin meningkat pada setiap tahun dan tiada SJKC baru didirikan.
74. 191-100222
Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kadar kenaikan bilangan kenderaan setiap tahun bagi kawasan Bandaraya seperti Kuala Lumpur, Johor, Ipoh, Kuching dan Kota Kinabalu. Apakah rancangan Kementerian untuk mengatasi kesesakan jalan di bandaraya-bandaraya tersebut pada sepuluh tahun akan datang.
75. 15-100346
Dato' Dr. Wan Azmi Bin Wan Ariffin [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai program khusus untuk mengatasi kemiskinan bermusim.
76. 204-100316
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan melonggarkan syarat meminjam buku bagi semua sekolah supaya semua murid, tidak kira pendapatan keluarganya boleh mendapat faedah daripada rancangan buku bantuan.
77. 3-100591
Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Ibni Syed Putra Jamalullail [Arau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan Kementerian sebagai contoh "insentif" kepada syarikat perladangan untuk menggalakkan mereka menceburi dalam bidang integrasi ternakan ruminan dengan perladangan di mana hasil utama mereka adalah perladangan dan bukan ternakan.
78. 191-100214
Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kesan amalan sistem meritokrasi yang diamalkan sekarang kepada pencapaian masyarakat Bumiputera khususnya pelajar-pelajar daripada kawasan luar bandar dalam bidang pendidikan dan pelajaran tinggi.
79. 127-100112
Datuk Mohamad Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana pihak JAKIM menentukan sesuatu ucapan dan pandangan seseorang atau pertubuhan itu bercanggah dengan kehendak Agama Islam dan apakah tindakan proaktif yang dibuat oleh JAKIM dalam menangani masalah tersebut.

80. 146-100648
Ir. Hasni Bin Mohamed [Pontian] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah dan kaedah pencegahan secara berterusan yang diambil oleh Kementerian dalam menangani masalah disiplin para pelajar.
81. 165-101207
Puan Rosnah binti Abd Rashid Shirlin [Papar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah terdapat satu garis undang-undang di pihak Kementerian dari segi laporan kes-kes jenayah di mahkamah bagi mengelakkan laporan yang melampau seperti dalam kes Noritta.
82. 189-100448
Datuk Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan projek di bawah peruntukan khas Pre-Emtif diperkenalkan semula dan masa pelaksanaan dipanjangkan kepada tempoh tertentu.
83. 92-100806
Dr. Rahman Bin Ismail [Gombak] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah lebih 300 orang pakar Kesihatan Awam yang telah diwarta diberi elaun yang setara dengan pakar klinikal.
84. 149-100255
Datuk Seri Panglima Salleh Bin Tun Said [Kota Belud] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada pihak Kementerian telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang akan dibangunkan sebagai 'satellite bio-valley' di Malaysia.
85. 140-100586
Dr. Junaidy Bin Abdul Wahab [Batu Pahat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah dasar strategik bagi menentukan hala tuju sektor pengangkutan awam negara menjelang tahun 2020 bagi meningkatkan mutu pengangkutan awam negara disamping menjaga kepentingan pengguna dan kebajikan pekerja pengangkutan awam di negara ini.
86. 69-100031
Tuan Liow Tiong Lai [Bentong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan doktor-doktor di hospital Swasta untuk berkhidmat di hospital Kerajaan dan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang dalam memastikan doktor di hospital swasta agar memenuhi bilangan masa minimum berkhidmat dengan hospital Kerajaan setiap tahun.

87. 217-101150
Tuan M. Kulasegaran A/L V. Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-
- (a) mengapakah Kerajaan telah melewatkan lagi pembinaan jalan raya baru yang menghubungkan tol Jelapang dengan tol Ampang di Ipoh; dan
 - (b) berapakah bilangan orang yang terbunuh akibat dari curaman jalan di tol Jelapang, Ipoh.
88. 212-100738
Dr. Mohamed Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai jutawan bumiputera yang dilahirkan hasil dari Langkawi menjadi Pulau Bebas Cukai, dan berapa ramai yang dapat mempertahankan taraf jutawan tersebut memandangkan semakin ramai peniaga yang gulung tikar.
89. 134-100644
Tuan Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah rumah yang telah dan sedang dibina oleh Kementerian di bawah Yayasan Perumahan Untuk Rakyat Termiskin(YPUT) mengikut negeri.
90. 96-100260
Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan taburan, bilangan penagih, kaedah pemulihan dan kapasiti penampungan pusat pemulihan dadah Kerajaan dan bukan Kerajaan. Berapakah peruntukan yang telah dan akan disalurkan kepada kedua-dua jenis pusat tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 11/2004) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.**
[7 Julai 2004]

2. 150-100301
Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

”Bahawa Dewan ini memandang serius terhadap kewujudan jurang perbezaan pembangunan diantara Wilayah Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini juga membuat perakuan tentang hakikat bahawa kemajuan yang begitu jauh dikalangan kesebelas negeri di Semenanjung adalah hasil daripada pelaksanaan pelbagai program oleh Lembaga-Lembaga Kemajuan Wilayah dan Lembaga-Lembaga Kemajuan Tanah yang ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan. Manakala di negeri Sabah yang mempunyai keluasan lebih 70,000 kilometer persegi belum lagi diwujudkan lembaga-lembaga yang serupa. Dengan kesedaran ini maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat resolusi dan ketetapan supaya pihak Kerajaan dapat membuat kajian yang bersesuaian untuk menubuhkan Lembaga-Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah dan Sarawak.”

3. 214-101053
Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

”Bahawa Dewan ini hendaklah menyerahkan tugas kepada Jawatankuasa Pemilih bagi mengkaji langkah-langkah terbaik yang perlu diambil oleh Kerajaan untuk menangani gejala salah laku seksual yang semakin menular dalam masyarakat kebelakangan ini.”

4. 207-101038
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

”Bahawa Dewan ini membahaskan dasar pengangkutan dan faktor-faktor yang menyebabkan kesesakan lalu lintas termasuk bilangan kereta yang ideal untuk negara ini.”

5. 214-101050
Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah menyerahkan tugas kepada Jawatankuasa Pemilihan untuk mengkaji secara mendalam kesan-kesan penggunaan Bahasa Inggeris dalam subjek Sains dan Matematik di sekolah-sekolah setelah dua tahun ia dilaksanakan."

6. 173-100167
Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong] akan mencadangkan:-

"Memandangkan masalah kemalangan jalan raya yang begitu tinggi dan telah menyebabkan kehilangan nyawa dan kebinasaan pengguna jalan raya yang begitu banyak dan kerosakan harta benda yang begitu besar, Dewan ini membincang untuk mengenalpasti dan membuat keputusan untuk menangani masalah ini."

Dewan ini juga membincang agar tindakan secara menyeluruh dari segi pindaan undang-undang, perubahan dasar, latihan pemandu, penguatkuasaan undang-undang dikaji, dirombak dan dilaksana dengan secepat mungkin.

7. 207-101035
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keteteapan agar Laporan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat permasalahan, efisiensi dan kredibiliti pasukan polis dibentangkan di Dewan ini sebagai kertas putih untuk dibahas. Dewan ini berpendapat bahawa prosiding dan mesyuarat Suruhanjaya mestilah terbuka termasuk siaran televisyen secara langsung, selaras dengan penjelasan akauntabiliti. Dewan juga memutuskan bahawa semua janji untuk menambah 21,000 rekrut yang berkualiti, emolumen, elaun, kenderaan, stesen dan kemudahan polis haruslah dikotakan."

8. 150-100299
Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius tentang kewujudan beribu-ribu graduan yang menganggur. Tambahan pula peluang-peluang pekerjaan dikalangan graduan lebih banyak di wilayah-wilayah yang lebih maju seperti Lembah Kelang berbanding dengan Sabah, Kelantan, Terengganu dan Kelantan. Graduan yang menganggur adalah merupakan suatu masalah ekonomi, sosial dan politik. Oleh itu, Dewan ini mendesak pihak Kerajaan supaya menubuhkan satu Majlis Perunding Pengangguran Graduan untuk mencari penyelesaian terhadap masalah pengangguran di kalangan graduan pelbagai jurusan."

9. 214-101056
Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) menyiarkan secara langsung semua persidangan Parlimen termasuk Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya persidangan ini dapat diikuti oleh setiap lapisan masyarakat, sekali gus membantu meningkatkan lagi penglibatan rakyat dalam merencanakan pembangunan negara. Tindakan ini juga diharapkan dapat merangsang prestasi Ahli-ahli Parlimen ke arah menjadikan Parlimen Malaysia bertaraf dunia."
10. 84-100843
Tan Sri Dato' K. S. Nijhar [Subang] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini memandang serius masalah banjir kilat yang sering berlaku dalam Parlimen Subang dan meminta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mencari jalan penyelesaian secara menyeluruh kepada masalah ini."
11. 214-101041
Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini akan membincangkan dan bersetuju supaya geran perkapita dan semua bantuan lain disalurkan semula kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) oleh Kerajaan seperti mana yang diamalkan sebelum ini. Kerajaan juga hendaklah membayar semula semua tunggakan geran perkapita semenjak bantuan tersebut dihentikan pada Oktober 2002."
12. 209-101040
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mengadakan siaran langsung televisyen sidang Dewan Rakyat sebagai langkah pembaharuan Parlimen dan meningkatkan ketelusan serta tanggungjawab Ahli Berhormat terhadap ucapan dan tugas mereka".
13. 214-101059
Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya semua Ahli Parlimen mengisytiharkan harta pemilikan mereka, suami/isteri, anak-anak dan pemegang amanah setiap dua tahun kepada Parlimen."

14. 206-100884

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merujuk Bernama dan Utusan Malaysia ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan supaya menyiasat sama ada kedua-duanya telah memesongkan apa yang diperkatakan oleh Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen kawasan Ipoh Timur di Parlimen pada 9hb Jun 2004 dalam dua laporan utama muka depan di Utusan Malaysia iaitu pada 10hb Jun 2004 di bawah tajuk "Kit Siang persoal negara Islam - Ketua Pembangkang juga pertikaikan mengapa Ketua Kerajaan harus orang Islam" dan pada 11hb Jun 2004 di bawah tajuk "Jangan bermain api" - Kit Siang harus henti persoal Malaysia negara Islam - Hihammuddin," dengan cuba melabelkan YB. Lim Kit Siang sebagai menentang Melayu dan menentang Islam menerusi laporan palsu mereka bahawa beliau mencabar hakikat bahawa orang Islam yang menjadi Perdana Menteri, dan mencadangkan tindakan sewajarnya yang harus diambil terhadap kedua-duanya itu".

15. **Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil kira Laporan SUHAKAM 2003 dan menggesa SUHAKAM supaya menggandakan usahanya untuk melindungi dan memajukan hak asasi manusia sepertimana yang diniatkan oleh Parlimen sewaktu menggubal Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 2000."

16. 150-100303

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius terhadap masalah kos pengangkutan dan logistik di antara Sabah dan dunia luar termasuk ke Semenanjung. Dewan ini juga memperakui bahawa kos pengangkutan yang tinggi ini telah menghindarkan proses perindustrian dan peningkatan sektor pembuatan di Sabah. Dan jika sekiranya masalah ini tidak ditangani dengan baik maka niat Kerajaan Sabah untuk meningkatkan sektor pembuatan tidak akan tercapai. Oleh itu Dewan ini hendaklah membuat ketetapan meminta Kerajaan untuk menyediakan penyelesaian terhadap masalah tersebut."

17. 96-100270
Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan keprihatinan di atas kekeliruan sesetengah rakyat Malaysia yang berbilang kaum di atas kewujudan peraturan yang menghindar penganut agama tertentu menggunakan perkataan seperti Allah, Iman, Wahyu, Rasul, Al-kitab, Doa, Nabi, Injil, Firman, Syukur, Imam dan sebagainya.

Maka dengan ini Dewan ini membuat resolusi meminta Kerajaan menghapuskan kekeliruan tersebut sekali gus memastikan kebebasan beragama terus terpelihara."

18. 150-100297
Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius kewujudan kadar insiden kemiskinan yang begitu tinggi dikalangan Orang Asli, Bumiputera Minoriti Sabah dan Sarawak terutama sekali dikalangan petani tradisi di tanah tinggi di Sabah dan Sarawak sepertimana yang diperakui dalam Rancangan Malaysia Ke 8 dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke 3 dan juga dalam dokumen Majlis Perunding Ekonomi Negara Kedua (MAPEN 11), dan Rancangan Malaysia Ke 8 ini tidak lama lagi akan berakhir sedangkan kadar kemiskinan dikalangan masyarakat tersebut masih lagi tinggi. Dewan ini juga perlu membuat ketetapan supaya perakuan-perakuan dalam MAPEN 11, RRJP 3 dan Rancangan Malaysia Ke 8 dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh oleh pihak Kerajaan."

19. 209-101042
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dan memulihkan hak penduduk Kuala Lumpur untuk memilih Datuk Bandar dengan tujuan meningkatkan keberkesanan Kerajaan Tempatan untuk memberi perkhidmatan yang lebih cekap kepada penduduk di kawasan berkenaan".

20. 150-100294
Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius kewujudan kad pengenalan palsu, surat beranak palsu dan IMM13 palsu serta sindiket-sindiket yang terlibat dalam pemalsuan tersebut. Oleh itu dewan yang mulia ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya siasatan untuk mengkaji bagaimana perkara ini berlaku dan seterusnya untuk mencari penyelesaian ke atas masalah dalam negeri yang telah menghantui Negara kita Malaysia sejak 30 tahun yang lepas."

21. 173-100170

Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong] akan mencadangkan:-

"Dewan ini membincang dan mengambil ketetapan agar dasar pendidikan dikaji semula supaya boleh mencanaiakan warganegara yang benar-benar "all rounder" (dengan izin) dari segi kerohanian, mental, dan fisikal, berdaya saing, patriotik, berani, jatidiri, kreatif dan inovatif, bersifat kemasyarakatan, berbudi tinggi, berkhemah mulia, dan disamping berilmu.

Dewan ini juga membincangkan agar mata pelajaran kerohanian dan kemasyarakatan diberi kepada semua murid tidak kira bangsa dan agama dan dilaksanakan secara formal dan tidak formal, umpamanya 5 minit sebelum kelas bermula tiap-tiap hari.

Harapan kita ialah untuk membentuk murid dan pelajar untuk mempunyai pengertian, perwatakan dan pendirian menjadi warga Negara yang berciri kasih sayang, bertanggungjawab, beramanah, setiakawan dan berbudi tinggi."

22. 214-101046

Tuan Salahuddin Bin Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sekeras-sekerasnya tindakan Kerajaan BN menyalah gunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menahan rakyat negara ini tanpa bicara dan tidak selaras dengan semangat penggubalan Akta ini, iaitu untuk membendung kegiatan subversif komunis. Bahkan dalam banyak kes, penahanan ISA lebih dipengaruhi oleh kepentingan politik pemerintah. Dewan ini mendesak supaya Kerajaan BN membebaskan semua tahanan ISA tersebut tanpa syarat atau mendakwa mereka di mahkamah dengan segera."

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2004</u>	<u>RISALAT/DOKUMENT</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.119	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit).	8 Julai 2004
ST. 123	Laporan Tahunan Majlis Sukan Negara Tahun 2002.	8 Julai 2004

UCAPAN PENANGGUHAN

TARIKH UCAPAN DIBUAT	AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1. 8.7.2004 (Khamis)	1. YB. Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]	1. Menangguhkan Program Latihan Khidmat Negara dan Tindakan Mahkamah ke atas Remaja Yang Gagal Mendaftar Diri.	1. YB. Menteri Pertahanan.
2. 8.7.2004 (Khamis)	2. YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)	2. Lesen Jualan Langsung I-Cash.	2. YB. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.